

# PM: MCA perlu pecat ADUN berkecuali undi usul DAP

Oleh ISMAIL DAUD

**UM 29 NOV 2002**

PUTRAJAYA 28 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, MCA perlu memecat kedua-dua Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) parti itu yang mengambil sikap berkecuali ketika mengundi usul DAP pada persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang minggu lalu.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, parti komponen tersebut menyerahkan kepada MCA untuk membuat keputusan mengenai kedudukan kedua-dua ADUN berkenaan.

“Kita biarkan MCA untuk membuat keputusan dan apa yang boleh mereka putuskan ialah menggugurkan kedua-dua ADUN berkenaan,” katanya.

## Keputusan

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis penyampaian sijil bagi pengeluaran secara besar-besaran kenderaan pelbagai guna, Inokom Atos, oleh Inokom Corporation Sdn. Bhd. (Inokom) dan Hyundai Motor Corporation, Korea.

Dr. Mahathir ditanya sama ada BN telah membuat keputusan untuk memecat kedua-dua ADUN yang telah melakukan kesalahan yang serius itu.

Pada persidangan Dewan Undangan Negeri 21 November lalu, ADUN Datuk Keramat, Lim Boo Chang dan ADUN Jawi, Tan Cheng Liang mengambil keputusan berkecuali ketika pengundian usul yang dibawa oleh Law Heng Kiang (DAP-Batu Lanchang) untuk menangguhkan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR).

Dr. Mahathir menegaskan, jika MCA enggan membuat keputusan dan menyerahkannya kepada BN, parti komponen itu bersedia mengkaji kes tersebut dan menentukan keputusannya.